

Kempen perang sebagai jenayah diperluas – Dr. M

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 8 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pertubuhan Forum Keamanan Global Perdana (PGPO) akan memperluaskan kempen agar peperangan dijadikan sebagai jenayah termasuk di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bekas Perdana Menteri itu percaya gerakan tersebut mendapat sokongan kuat daripada masyarakat dunia.

Menurut Dr. Mahathir, melalui sokongan itu, PGPO juga boleh mengeluarkan resolusi untuk dikemukakan kepada organisasi antarabangsa lain seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya mesej yang dapat menukar minda masyarakat terhadap peperangan dapat disampaikan.

“Apabila kita tidak kuat dan orang masih terus membunuh sebagai satu cara bagi menyelesaikan pertikaian, permintaan kita tidak akan dipedulikan,” katanya.

Dr. Mahathir menyatakan kemikian pada sidang akhbar mengenai penganjuran kali ketiga persidangan antarabangsa bagi menjadikan peperangan sebagai jena-

Apabila kita tidak kuat dan orang masih terus membunuh sebagai satu cara bagi menyelesaikan pertikaian, permintaan kita tidak akan dipedulikan

yah di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Persidangan dan pameran yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 5 hingga 7 Februari akan datang dianjurkan oleh PGPO.

Dr. Mahathir yang merupakan Pengerusi PGPO berkata, bagi menyedarkan masyarakat tentang kekejaman peperangan, persidangan kali ini menjemput tokoh-tokoh yang terlibat dalam peperangan di Iraq dan Jepun.

Mangsa-mangsa yang diseksa dalam penjara Abu Gharib di Iraq juga dijemput menghadiri persidangan itu bagi menceritakan tentang penderitaan mereka dan keburukan peperangan.

Beliau berkata, persidangan tersebut tidak hanya tertumpu kepada peperangan di Iraq malah memaparkan kepada masyarakat

tentang betapa kejamnya perang yang dahulunya digunakan sebagai jalan penyelesaian masalah dengan negara lain.

Pada hari ini peperangan membawa kepada pembunuhan dan tidak perlu lagi dijadikan satu pilihan, sebaliknya dianggap sebagai jenayah,” katanya.

Beliau menegaskan, mana-mana pihak yang secara aktif menggalakkan peperangan mesti juga dihukum sebagai penjenayah.

“Dengan lebih banyak penceramah terlibat dalam persidangan kali ini, kita berharap persidangan tersebut dapat menjelaskan secara terperinci dan lebih dramatik tentang kesan peperangan,” katanya.

Mengenai hukuman gantung ke atas bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein, Dr. Mahathir menyatakan bahawa beliau tetap konsisten dengan pendiriannya bahawa

cara hukuman tersebut dilaksanakan adalah kejam dan dahsyat.

“Ia dilaksanakan dengan terburu-buru. Tidak ada masa diberikan kepada orang lain untuk membuat rayuan.

“Dan yang paling buruk ialah perbicaraan yang dilaksanakan ke atas Saddam cukup memalukan,” katanya.

Mengulas laporan bahawa Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush bercadang menghantar 20,000 tentera tambahan ke Iraq, Dr. Mahathir berkata, langkah itu tidak akan memperbaiki keadaan di negara itu.

“Bush sepatutnya meletakkan jawatan dan dibicarakan dalam mahkamah kanggaru yang diwujudkan oleh musuhnya,” kata beliau.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu, kumpulan pejuang Islam di selatan Thailand perlu menggugurkan tuntutan kemerdekaan atau autonomi bagi membolehkan keamanan dikecapi di wilayah bergolak itu.

Bekas Perdana Menteri yang menjadi orang tengah bagi rundingan damai antara puak pemisah dan kerajaan Thailand menegaskan, kedua-dua bentuk tuntutan tersebut tidak disenangi Bangkok.

um-9/1/2007

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi PGPO